

Tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

Produk kosmetik dan penjagaan diri sangat tinggi permintaannya dalam kalangan rakyat Malaysia.

Tulis biografi tentang tokoh usahawan dan sejarah penglibatan beliau dalam bidang keusahawanan sehingga memperoleh kejayaan yang cemerlang. Lengkapkan karangan dengan perkataan dan frasa yang sesuai. **SP 3.3.1**

(KBAT) Menganalisis; Mencipta

[30 markah]

aktiviti dan kempen amal
meningkatkan kesedaran masyarakat
penderaan terhadap kanak-kanak
hak francais bagi mengedar
untuk pergi membeli belah
melalui sistem parti

secara dalam talian
tiga buah kedai kasut
daripada para pelanggan
bertanggungjawab untuk membawa francais
sering mengunjungi
menyukai segala aktiviti kempen

Anda mungkin salah seorang penggemar barangan jenama *The Body Shop*, tetapi tahukah anda siapa yang membawa jenama itu ke Malaysia? Datin Mina Cheah Foong ialah orang yang (1) _____ itu ke Malaysia. Ketika menyambung pelajaran di England, beliau (2) _____ premis *Body Shop* bagi membeli barangan untuk kegunaan sendiri dan teman-teman. Beliau bukan saja meminati pelbagai produk yang dijual malah (3) _____ yang dianjurkan.

Sekembalinya Datin Mina ke Malaysia, beliau telah berjaya mendapat (4) _____ dan menjual barangan *The Body Shop* melalui syarikatnya, Rampai Niaga Sdn. Bhd. Kedai pertama beliau dibuka pada 8 Disember 1984 di Plaza Yow Chuan, Kuala Lumpur. Selepas lebih 20 tahun terlibat dalam industri peruncitan, Datin Mina menyedari bahawa sebahagian besar daripada para pelanggan mempunyai kekangan masa (5) _____. Konsep baharu telah diperkenalkan dalam masa yang sama produk-produk dijual (6) _____ seperti yang dilakukan syarikat *Tupperware*.

Strategi-strategi baharu lain yang dilakukan termasuklah jualan (7) _____ dan melalui katalog. Di samping mengurus *The Body Shop*, Datin Mina membuka (8) _____ berjenama *Vincci* di Sydney, Australia. Perniagaan kedai kasut *Vincci* itu mendapat sambutan yang baik juga (9) _____.

Di samping bergiat dalam perniagaan, Datin Mina banyak menceburkan diri dalam (10) _____. Sebagai Presiden *Malaysian Business Coalition on AIDS Society* (MBCA) beliau mengumpulkan dana bagi membantu mangsa-mangsa AIDS sekali gus dapat (11) _____ tentang penyakit tersebut. Menerusi *The Body Shop*, beliau berkempen untuk menangani isu keganasan, khususnya (12) _____. Kempen-kempen itu membuktikan *The Body Shop* menghargai pelanggannya yang 90 peratus terdiri daripada golongan wanita.